

Sumbangan kaum wanita kepada Malaysia sejak dahulu hingga kini tidak dapat dinafikan. Jasa mereka bukan sahaja pada peringkat tempatan, malah melangkaui hingga peringkat antarabangsa.

Lihat sahaja kerja-kerja kemasyarakatan yang dilakukan oleh Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood, pengasas Malaysian Medical Relief Society (MERCY). Badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 1999 berikutan perang di Kosovo itu merupakan salah sebuah pertubuhan bantuan perubatan sukarela yang disegani di peringkat antarabangsa.

Malah, sumbangan Marina Ahmad yang berjaya ke puncak Everest pada 2007, Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir sebagai wanita Asia pertama yang berjaya merentasi Kutub Utara dan Kutub Selatan, dan Nurdziah Muhammad Nur, wanita Asia pertama melakukan terjunan di Kutub Utara, bukan sahaja mengharumkan nama negara, malah menonjolkan kewibawaan wanita Malaysia di pentas dunia.

Hari ini, pencapaian kaum wanita Malaysia dalam pelbagai bidang amat memberangsangkan. Banyak bidang yang dahulunya dimonopoli oleh kaum lelaki, sekarang sudah diceburi oleh kaum wanita. Profesional wanita wujud dalam setiap lapisan kerja kehakiman, kejuruteraan, politik, ketenteraan dan sebagainya.

Rakyat Malaysia sekarang mula dapat menerima kedudukan wanita setaraf dengan kaum



Meninjau Kepemimpinan Wanita

Kebanjiran golongan wanita muda dan berpendidikan dalam senario politik adalah sesuatu yang positif. Tambahan pula dunia hari ini mengukur tahap kemajuan sesebuah negara berdasarkan layanan yang diberikan kepada kaum wanita.

OLEH ZAIREENI AZMI

lelaki. Mereka bukan sahaja menjadi pekerja bawahan, malah turut dilantik sebagai ketua. Pelantikan tokoh berikut sebagai wanita pertama dalam bidang masing-masing mencerminkan perubahan kedudukan wanita dalam strata sosial masyarakat; Datuk Siti Norma Yaakob (Hakim Besar Malaya), Tan Sri Datuk Ungku Dr. Zeti Akhtar Ungku Abdul Aziz (Gabenor Bank Negara Malaysia), Datuk Rafiah Salim (Naib Cancellor), Kolonel Dr. Roshidah Ishak (Brigadier Jeneral), Hendon

Haji Mohamed (Presiden Badan Peguam Malaysia), Leftenan Kolonel Norhuda Ahmad (Kolonel dalam Angkatan Tentera Darat), Rafidah Abdul Razak (Hakim Syarie), Judy Chen (Penolong Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu *Peacebuilding Support*).

Pencapaian golongan wanita ini tidak boleh dipandang remeh. Sekian lama kemampuan wanita dipersoalkan terutama apabila melibatkan soal kepemimpinan dalam ruang awam. Sentimen masyarakat yang ragu-ragu dengan




hanya mencapai 17.1 peratus pada 2009 (rujuk Rajah 1).

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2008), bilangan

untuk menang yang tinggi bagi parti itu.

Dalam Dewan Negara, senator wanita yang dilantik pada 1999 ialah 29.7 peratus dan mencapai

Rajah 1 Bilangan wanita pada peringkat membuat keputusan di sektor awam pada 2008 hingga 2009.



Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

kebolehan wanita menyebabkan golongan ini sering kali diketepikan walaupun sebenarnya mereka lebih layak untuk ditampilkan berbanding dengan kaum lelaki.

Penonjolan barisan tokoh di atas menepis tanggapan bahawa peranan wanita dipinggirkan dalam pembangunan negara. Pelantikan mereka menunjukkan bahawa kaum wanita duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dalam masyarakat hari ini.

Penglibatan Wanita dalam Sektor Awam

Walaupun dalam sektor awam, penglibatan wanita pada peringkat membuat keputusan sudah menampakkan kemajuan, bilangan yang memegang jawatan penting masih sedikit. Kebanyakan jawatan pemimpin dalam organisasi awam sebagai ketua setiausaha, ketua jabatan persekutuan, dan ketua eksekutif badan berkanun persekutuan dimonopoli oleh kaum lelaki. Bilangan kaum wanita pada peringkat ini yang paling tinggi

wakil wanita dalam Majlis Pihak Berkuasa Tempatan juga adalah kecil iaitu 12.2 peratus. Sekiranya dibandingkan dengan jumlah penduduk wanita Malaysia, peratus ini adalah terlalu rendah.

Penglibatan Wanita dalam Politik

Hingga ke hari ini, kedudukan wanita dalam politik dan parti juga masih ketinggalan. Jumlah perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat (dipilih) jauh tersasar daripada kuota minimum 30 peratus. Mutahir ini hanya 23 orang wakil rakyat wanita di Parlimen daripada keseluruhan 222 orang ahli Parlimen.

Bilangan calon wanita dan yang terpilih dalam pilihan raya sememangnya semakin meningkat daripada tahun ke tahun, tetapi kebanyakan mereka diletakkan di kawasan yang selamat. Calon wanita sesuatu parti lazimnya diletakkan di kawasan yang dilihat mempunyai keberangkalian

32.3 peratus pada 2004, tetapi berkurangan menjadi 27.3 peratus pada 2008. Bilangan Menteri wanita juga tidak pernah melebihi tiga orang dan selepas Pilihan Raya Umum ke-12 pada 2008, hanya dua orang wanita dilantik sebagai Menteri penuh dan dua orang Timbalan Menteri.

Apabila memperkatakan tentang kepemimpinan wanita pada peringkat membuat keputusan, sudah semestinya kedudukan wanita dalam parti politik turut menjadi tumpuan.

Politik wanita maju selangkah apabila pada 2008, Datuk Dr. Ng Yen Yen dilantik sebagai Naib Presiden MCA. Pelantikan ini sememangnya sudah ditunggu oleh banyak pemerhati politik terutama mereka yang selama ini memperjuangkan kesamarataan gender dalam politik Malaysia. Sudah sekian lama jawatan presiden, naib presiden dan timbalan presiden parti-parti utama di negara ini dimonopoli

oleh kaum lelaki.

Mutakhir ini, pencalonan Nurul Izzah untuk jawatan Naib Presiden PKR kembali memberi nafas baharu dalam politik wanita. Sebenarnya, cubaan kaum wanita untuk memegang jawatan naib presiden bukan perkara baru. Fuziah Salleh bekas Ketua Wanita PKR dan Ahli Parlimen Kuantan pernah mencuba nasib, tetapi gagal memenangi kerusi Naib Presiden PKR tiga tahun lalu.

Sebelum ini, Badan Perhubungan PAS Kelantan juga berhasrat untuk meletakkan Dr. Mariah Mahmood sebagai calon Naib Presiden PAS pada 2005 tetapi tidak berjaya. Pada 2009, usul yang sama pernah dibawa ke Dewan Muktamar PAS, tetapi

Tan Sri Aishah Ghani. Malah antara punca Khadijah Sidek disingkirkan daripada UMNO adalah kerana kelantangan beliau meminta lebih banyak ruang diberikan kepada wanita dalam UMNO.

Peranan yang dimainkan oleh kaum wanita terhadap UMNO adalah besar. Kemenangan UMNO dalam setiap pilihan raya antara lain disumbangkan daripada kerja kuat kaum wanita.

Kemuncak daripada perjuangan kaum wanita dalam politik di negara ini dicapai apabila Malaysia memperakui kuota untuk melantik sekurang-kurangnya 30 peratus wanita pada peringkat membuat keputusan negara. Perakuan ini dibuat semasa menyambut Hari

kepada dua.

Pertama; ruang politik formal maskulin yang didominasi kaum lelaki yang mencakupi semua peringkat membuat keputusan dalam pelbagai organisasi awam seperti Parlimen, institusi kerajaan, atau struktur pembuat keputusan yang lain. Dalam ruang ini, faktor budaya dan nilai masyarakat menetapkan bahawa yang layak menjadi pemimpin ialah kaum lelaki dan peranan mereka diiktiraf sepenuhnya.

Kedua; ruang politik tidak formal dikuasai kaum wanita yang menjalankan aktiviti politik pada peringkat komuniti. Penglibatan kaum hawa dalam ruang ini tidak dilihat sebagai penglibatan dalam politik yang sebenar. Untuk

Kemuncak daripada perjuangan kaum wanita dalam politik di negara ini dicapai apabila Malaysia memperakui kuota untuk melantik sekurang-kurangnya 30 peratus wanita pada peringkat membuat keputusan negara.

ditolak. Dalam sejarah politik wanita PAS, hanya Khadijah Sidek pernah dilantik sebagai Naib Presiden (dahulunya dikenali sebagai Naib Yang Dipertua).

Wanita UMNO pula meskipun sudah lama memperjuangkan lebih banyak wanita pada peringkat membuat keputusan, setakat ini UMNO belum lagi meletakkan calon wanita pada peringkat tertinggi parti. Dato' Seri Rafidah Aziz antara tokoh wanita yang dilihat paling layak memegang jawatan Naib Presiden dalam UMNO berdasarkan prestasi beliau selama 32 tahun dalam politik dan 20 tahun sebagai Menteri, tetapi nama beliau tidak dicadangkan.

Hakikatnya, isu mengenai wanita dan kepemimpinan UMNO sudah kedengaran sejak zaman

Wanita Sedunia 2004. Namun hingga kini perakuan tersebut masih tidak direalisasikan.

Tidak dinafikan laluan wanita dalam politik lebih banyak cabarannya berbanding dengan kaum lelaki. Selain daripada kekangan masa dan keluarga, faktor utama menghalang penyertaan yang lebih besar kaum wanita pada peringkat membuat keputusan adalah budaya politik yang memberikan kelebihan kepada kaum lelaki untuk memimpin.

Sejarah membuktikan bahawa kebanyakan kaum wanita yang berjaya dalam bidang ini, mempunyai hubungan yang erat dengan kaum lelaki sama ada hubungan kekeluargaan atau sosial. Hal ini demikian kerana ruang politik itu dibahagikan

memastikan agar suara mereka didengar, wanita perlu dilihat dalam ruang politik formal.

Oleh sebab ruang tersebut dikuasai kaum lelaki, maka hanya kaum lelaki yang boleh mengesahkan kedudukan seseorang wanita dalam ruang ini. Berikutan itu, kaum wanita perlu mempunyai satu hubungan yang kuat dengan kaum lelaki sekiranya mereka mahu diiktiraf dan dilihat dalam ruang ini. Melalui hubungan kekeluargaan dan hubungan sosial, lazimnya perkara ini dapat direalisasikan.

Sudah tiba masanya masyarakat Malaysia melihat penyertaan wanita dalam politik melangkaui jantina seseorang individu terutama pada peringkat membuat keputusan. Wanita merupakan satu entiti yang mempunyai kuasa

yang besar magnitudnya. Bilangan mereka adalah separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

Oleh sebab itu, dalam sebarang proses membuat keputusan sama ada pada peringkat personel, keluarga, masyarakat umumnya, dan politik khususnya, pertimbangan serta perancangan untuk kaum wanita harus diambil kira.

Meskipun hasrat Dato' Seri Shahrizat Abd Jalil yang mahukan lebih banyak wanita memegang jawatan tinggi pada semua peringkat adalah murni, laluan untuk merealisasikan impian itu masih sukar. Struktur kuasa sistem politik itu sendiri dikuasai kaum lelaki.

Pemeraksanaan kaum wanita dalam politik adalah langkah yang penting untuk menangani masalah ini. Usaha ini bukan hanya setakat mendedahkan kaum wanita akan kepentingan peranan mereka, tetapi juga memberikan mereka peluang untuk mengkritik struktur kuasa yang sedia.

Kaum wanita sendiri perlu mempersiapkan diri dan bersedia untuk memegang sebarang jawatan di dalam parti. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan menyediakan sejumlah pelapis dan mencipta ruang kepada kalangan wanita muda yang berkelayakan untuk menerajui kepemimpinan parti.

Mungkin ada kaum lelaki yang mempersoalkan kenapa perlunya lebih banyak wanita pada peringkat membuat keputusan? Adakah wanita akan menjadi pemimpin yang lebih baik daripada kaum lelaki?

Terdapat pelbagai faktor yang perlu diperhatikan kepentingan untuk meletakkan lebih banyak wanita pada peringkat membuat

keputusan. Umumnya pemimpin wanita mempunyai perwatakan yang lebih bersih, lebih vokal, berpendidikan, dan jarang-jarang dikaitkan dengan skandal sosial dan sebagainya. Mereka ini boleh membawa kepada perubahan yang positif dalam politik dan seterusnya memanfaatkan masyarakat.

Terdapat banyak kajian yang mengatakan bahawa pemimpin wanita mengamalkan jenis kepemimpinan yang lebih terbuka, berkongsi tanggungjawab dengan orang bawahan, dan berorientasikan penglibatan bersama dalam membuat keputusan. Meskipun kajian seperti ini boleh dipertikaikan, tetapi setidak-tidaknya kajian ini membuka ruang baharu untuk masyarakat menilai kepemimpinan wanita dengan lebih saksama tanpa dibayangi dengan faktor gender.

Langkah paling awal yang patut diambil oleh sayap wanita semua parti politik adalah memastikan agar kaum wanita bersiap sedia untuk memegang sebarang jawatan pada peringkat pucuk pimpinan. Hal ini demikian kerana kaum wanita tentu tidak mahu dilantik menjadi pemimpin semata-mata untuk memenuhi kuota 30 peratus.

Parti politik perlu bersikap terbuka dan bersedia untuk menerima golongan profesional dan berpendidikan dalam sayap wanita mereka. Golongan wanita perlu melakukan pengorbanan dan perubahan yang besar dengan tidak hanya melihat pengalaman dan jasa serta usia sebagai kriteria apabila memilih pemimpin dalam parti.

Bagi merealisasikan usaha ini, sayap wanita perlu membina kapasiti ahli-ahlinya melalui program yang berkaitan

serta menjalinkan hubungan perkongsian yang bijak dengan NGO. Kebanyakan ahli NGO wanita terdiri daripada golongan cerdik pandai yang peka gender dan isu semasa. NGO ini sering sahaja mengadakan kursus kepemimpinan dengan menyediakan modul latihan yang menyentuh isu transformasi kepemimpinan, pemeraksanaan dan pembedayaan wanita, dan pelbagai lagi.

Latihan yang disediakan lazimnya akan membincangkan dokumen antarabangsa serta nasional yang dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan kedudukan wanita dalam masyarakat amnya dan pada peringkat membuat keputusan khususnya.

Kebanjiran golongan wanita muda dan berpendidikan dalam senario politik adalah sesuatu yang positif. Tambahan pula dunia hari ini mengukur tahap kemajuan sesebuah negara berdasarkan layanan yang diberikan kepada kaum wanita.

Penglibatan dan penyertaan kaum wanita dalam politik diperlukan bukan sahaja sebagai "tukang" kempen, tetapi sebagai pemimpin supaya kesamarataan, kesaksamaan, dan kepelbagaian isu berkaitan dengan wanita diambil kira dalam pembentukan dasar negara. Keberanian golongan wanita untuk bertanding pada peringkat kepemimpinan tertinggi parti perlu diberikan galakan dan perhatian serius kerana mereka boleh mengambil alih kuasa kepemimpinan yang selama ini dinafikan. **EM**

Penulis Penyarah Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita dan Keluarga (KANITA), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.